

# UPM ragu kesahihan data diambil QS

» *Tidak kecewa dengan kemerosotan kedudukan*

Oleh Syuhada Choo Abdullah  
choo@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Putra Malaysia (UPM) meragui kesahihan data, kaedah dan hasil penarafan antarabangsa, QS World University Rankings.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi, berkata kriteria digunakan oleh QS juga tidak membawa kepada pembangunan pendidikan negara.

Justeru, katanya, UPM tidak taksud dan hanya ambil maklum, malah tidak kecewa dengan kemerosotan kedudukannya dalam QS World University Rankings 2012/2013 dan tidak akan meraikan jika mencatat ranking bagus.

“Sejak dulu ketika saya di Kementerian Pengajian Tinggi

lagi, isu kesahihan data masih belum selesai. QS mengambil pendirian dan pendekatan bahawa ia tidak perlu diverifikasi.

“Pada masa sama, QS tidak mendedahkan sumber data dan data sebenar yang mereka guna bagi kategori ditentukan demi kepentingan perniagaan mereka.

## Saman QS

“Oleh itu, ketepatan data boleh dipersoalkan dan ini menyebabkan Universiti Sains Malaysia (USM) menyaman QS beberapa tahun lalu kerana tidak menggunakan data tepat daripadanya,” katanya kepada *BH*, semalam.

Dalam keputusan QS World University Rankings 2012/2013 yang dikeluarkan baru-baru ini, kedudukan UPM merosot dua tangga kepada 360 berbanding 2011.

UM menduduki tangga 156, naik 11 tangga berbanding 2011, UKM 261 (naik 18 tangga), Universiti Sains Malaysia

(USM) 326 (naik sembilan tangga) dan UTM 358 (naik tiga tangga).

Mengulas lanjut, Radin Umar mempersoalkan markah UPM dalam penarafan itu lebih rendah daripada sepatutnya, sedangkan data sebenar sitasi (citation) lima Universiti Penyelidikan (RU) di Malaysia diambil daripada pangkalan data scopus.

“Nisbah pelajar bagi semua RU hampir sama, begitu juga pensyarah antarabangsa. Namun, setengah RU mendapat markah mendaak, misalnya 85.8 markah bagi fakulti antarabangsa berbanding yang lain dalam lingkun-

gan 20 saja.

“Saya difahamkan ia berdasarkan definisi penghantar maklumat sendiri (tanpa asas verifikasi) yang mana pensyarah tempatan tetapi memperoleh ijazah antarabangsa dikategorikan sebagai pensyarah antarabangsa,” katanya.



“*Pada masa sama, QS tidak mendedahkan sumber data dan data sebenar yang mereka guna bagi kategori ditentukan demi kepentingan perniagaan mereka*”

**Radin Umar Radin Sohadi,**  
Naib Canselor UPM

## FAKTA NOMBOR

360

kedudukan UPM dalam keputusan QS World University Rankings